



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2013 MELAMBANGKAN PERPADUAN WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 2 Februari 2013 – Sambutan Hari Wilayah Persekutuan disambut pada tarikh 1 Februari setiap tahun, bagi memperingati pengisytiharan **Kuala Lumpur, Putrajaya** dan **Labuan** sebagai **Wilayah Persekutuan** dan sambutan pada tahun ini merupakan perayaan kali kesembilan (9) yang menggabungkan ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

2. Tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) pada tahun ini adalah **“Perpaduan Teras Kesejahteraan Wilayah Persekutuan”**. Tema ini dipilih berasaskan kesinambungan tema pembentangan bajet 2013 “Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati” dimana bajet diperuntukkan kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat Wilayah Persekutuan secara keseluruhan. Penggunaan tema ini diharap dapat merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan agar dapat seiringan dengan Kerajaan dalam bersama-sama **memajukan** dan **memakmurkan** bumi Wilayah Persekutuan yang tercinta.

3. Pelbagai inisiatif telah dibuat oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan dan Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan dalam menyediakan pelbagai *valuable goodies* kepada warga Wilayah Persekutuan sempena SHWP 2013 yang sekali gus akan dapat memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat bagi memakmurkan negara dan mensejahterakan rakyat.

4. Majlis Pelancaran SHWP 2013 yang diadakan di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Bandar Tun Razak hari ini melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat melalui aktiviti perbarisan dan perarakan oleh **144 kontinjen** dengan

jumlah penyertaan seramai **8,200** orang yang melibatkan penyertaan dari pelajar-pelajar, agensi kerajaan, NGO, persatuan penduduk, GLC, badan-badan korporat, agensi pelancongan, ahli sukan dan unit beruniform. Pada tahun ini, majlis pelancaran SHWP diadakan di kawasan penempatan warga kota bagi memudahkan orang ramai untuk bersama-sama menyertai dan meraikan Hari Wilayah Persekutuan.

5. Buat pertama kalinya Majlis Pelancaran SHWP menawarkan hadiah cabutan bertuah kepada para pengunjung yang hadir dan sebanyak **200** hadiah menarik berpeluang untuk dimenangi. Orang ramai berpeluang untuk membawa pulang sebuah Produa Myvi, 3 buah motosikal, 8 unit Samsung Galaxy Note II, 16 unit Samsung Galaxy Tab II, 6 unit Samsung Galaxy S3, 9 unit Samsung TV LED 32 *inch*, tiket penerbangan ke Perth untuk dua orang, tiket penerbangan ke Osaka untuk 2 orang, 3 unit produk OSIM, 15 unit kamera digital, 10 unit basikal jenama Oscar dan pelbagai barangan elektrik sebanyak 127 unit.

6. **Program Konvoi Berbasikal SHWP 2013** turut diadakan pada hari ini yang disertai lebih **1300 peserta**. Program ini mendapat penyertaan yang amat menggalakan dari warga WP Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan laluan kayuhan berbasikal secara bersantai sejauh 25 km melalui kawasan komuniti yang melibatkan 15 zon penempatan di WP Kuala Lumpur. Konvoi berbasikal secara santai ini menambahkan lagi kemeriahan SHWP 2013 yang mendapat sambutan dari pelbagai lapisan masyarakat.

7. Penganjuran pelbagai aktiviti sempena SHWP 2013 ini diharap akan dapat memupuk semangat bersatu-padu serta menambahkan rasa sayang dan cinta terhadap Wilayah Persekutuan terutamanya di kalangan warga WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang seterusnya dapat memakmurkan Negara.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

2 Februari 2013 (Sabtu)

Kuala Lumpur